



BAB : 3

KLASIFIKASI GUNA TANAH DAN KOD WARNA





3.0 KLASIFIKASI GUNA TANAH DAN KOD WARNA

Klasifikasi guna tanah Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3 merujuk kepada 12 jenis guna tanah di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Klasifikasi guna tanah perancangan ini dibuat berdasarkan kepada trend keperluan semasa perancangan guna tanah negara.

Objektif utama klasifikasi guna tanah adalah untuk memudahkan pengurusan guna tanah perancangan yang menjadi asas kepada penyediaan rancangan pemajuan, kawalan perancangan, pemantauan guna tanah serta keperluan lain yang berkaitan dengan guna tanah khususnya untuk mengelakkan berlakunya percanggahan guna tanah.

Secara umumnya, bab 3 ini menerangkan perkara berhubung klasifikasi guna tanah bagi tiga (3) guna tanah utama dalam perancangan iaitu guna tanah semasa, guna tanah komited dan guna tanah zoning.

GUNA TANAH SEMASA

Penggunaan tanah sedia ada di atas tanah tersebut termasuk ciri-ciri semula jadi atau binaan manusia, contohnya badan air hutan, perumahan, industri, infrastruktur dan tanah lapang.

GUNA TANAH KOMITED


- Penggunaan tanah berkenaan dengan pembangunan yang:
- Telah diberi Kebenaran Merancang dalam tempoh sah laku; dan
 - Telah mululakan kerja tanah atau pembinaan, tetapi belum dikeluarkan Sijil Siap dan Pematuhan (CCC).

GUNA TANAH ZONING

Penggunaan tanah yang telah dizonkan untuk pembangunan masa hadapan berdasarkan kepada Rancangan Tempatan yang diwartakan contohnya badan air, hutan, perumahan, industri, infrastruktur dan kawasan lapang.

KAEDAH DAN SUMBER PENGEMASKINIAN DATA GUNA TANAH

Pengemaskinian data guna tanah adalah berdasarkan kepada beberapa kaedah dan sumber iaitu:



KLASIFIKASI GUNA TANAH

Maklumat guna tanah merupakan elemen penting dalam geospatial yang mana ketepatan dan kekemasan data guna tanah dapat membantu memastikan perkhidmatan dan capaian maklumat dilaksanakan dengan cepat dan mudah difahami. Penyediaan kod mengikut klasifikasi guna tanah membantu penyedia data menyusun, mengintegrasikan dan mengemaskini maklumat guna tanah dengan lebih mudah dan seragam.

Inisiatif penambahbaikan klasifikasi guna tanah dalam Manual GIS Versi 3 ini merupakan usaha sama di antara BMGN dengan PLANMalaysia Negeri, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Bahagian-bahagian di PLANMalaysia Ibu Pejabat, Perunding Perancangan Bandar dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Klasifikasi maklumat guna tanah dalam manual ini telah dikaji, ditambah baik, diolah dan direka semula mengikut kegunaan khususnya untuk kajian rancangan pemajuan dan kajian perancangan di PLANMalaysia. Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3 ini juga telah menambah baik klasifikasi guna tanah kepada:



KOD WARNA GUNA TANAH

Penggunaan kod warna bertujuan untuk menggambarkan maklumat spatial secara lebih jelas dan berkesan. Penggunaan warna dalam peta dan data geospatial adalah penting untuk membezakan pelbagai jenis data seperti guna tanah, topografi, zon pembangunan dan data lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.

Penggunaan warna ini juga dapat menghasilkan persembahan data guna tanah kajian yang lebih kemas dan seragam serta lebih komprehensif.

Data geospatial di PLANMalaysia yang menggunakan kod warna adalah:




3.1 GUNA TANAH UTAMA

Guna tanah utama merupakan guna tanah yang digunakan bagi kajian-kajian di peringkat negeri (seperti Rancangan Struktur Negeri) dan peringkat nasional (contoh: Rancangan Fizikal Negara, Dasar Perbandaran Negara, Laporan Maklumat Guna Tanah dan lain-lain kajian) bagi menunjukkan trend atau pembangunan utama di Malaysia.

3.1.1 JENIS GUNA TANAH UTAMA

Guna tanah utama ini terbahagi kepada empat (4) guna tanah iaitu:



i. TEPU BINA

Tepu bina merujuk kepada kawasan pembangunan sedia ada yang terdiri daripada lapan (8) jenis guna tanah iaitu:

- | | |
|--|-------------------------------|
| a) Perumahan; | e) Tanah Lapang dan Rekreasi; |
| b) Komersial; | f) Tanah Pembangunan; |
| c) Industri, | g) Pengangkutan; dan |
| d) Institusi dan Kemudahan Masyarakat; | h) Infrastruktur dan Utiliti. |

ii. HUTAN

Hutan merujuk kepada semua kategori hutan iaitu Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Bukan Hutan Simpanan Kekal (Bukan HSK).

iii. PERTANIAN

Pertanian merujuk kepada semua kategori guna tanah pertanian merangkumi tanaman makanan, tanaman komoditi, tanaman lain, pertanian campuran, penternakan, perikanan/akuakultur dan tanah pertanian yang tidak diusahakan.

iv. BADAN AIR

Badan air adalah termasuk semua kategori guna tanah badan air dan pantai.

3.1.2 METADATA GUNA TANAH UTAMA

Metadata guna tanah utama menerangkan mengenai maklumat guna tanah utama (gtu) bagi setiap lot dalam data geospatial. Bagi menyeragamkan dan memudahkan penyimpanan maklumat data guna tanah utama ini, struktur pangkalan data guna tanah utama perlu mematuhi metadata seperti pada Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Metadata Guna Tanah Utama

Medan Data	Jenis Perisian			Catatan
	ArcGIS	MapInfo	QGIS	
gtu	Text_10	Character_10	String_10	Guna tanah utama <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tepu bina ▪ Hutan ▪ Pertanian ▪ Badan Air
gtn1	Text_50	Character_50	String_50	Jenis guna tanah 1
kemaskini	Date	Date	Date	Tarikh pengemaskinian dijalankan bagi mana-mana lot yang terlibat dengan perubahan
luas_h	Double _12,4	Decimal_12,4	Real_12,4	Luas dalam unit hektar
fcode	Text _6	Character_6	String_6	Merujuk kepada Malaysia Standard MS1759:2024 (DD1000 – semasa)
kod_gtn	Text_7	Character_7	String_7	Klasifikasi guna tanah – warna mengikut gtn1
negeri_id	Text_2	Character_2	String_2	Kod negeri merujuk kepada kod yang disediakan oleh pihak JUPEM (contoh: 02 – Kedah)
daerah_id	Text_4	Character_4	String_4	Gabungan kod negeri dan kod daerah yang disediakan oleh JUPEM (contoh: 0201 – Kota Setar)

Sekiranya kajian memerlukan maklumat tambahan, medan data boleh ditambah bagi memenuhi kehendak dan keperluan kajian.

3.1.3 PANDUAN PENGISIAN MAKLUMAT METADATA GUNA TANAH UTAMA

Penyedia data perlu mematuhi panduan pengisian maklumat guna tanah utama sepetimana Jadual 3.2 bagi memastikan maklumat yang penting dan diperlukan telah diambil kira dan direkodkan dalam pangkalan data geospatial.

Jadual 3.2: Panduan Pengisian Maklumat Metadata Guna Tanah Utama

METADATA GUNA TANAH UTAMA

Medan Data	Catatan	Panduan Pengisian Maklumat Guna Tanah Utama
gtu	Guna tanah utama <ul style="list-style-type: none">▪ Tepu bina▪ Hutan▪ Pertanian▪ Badan Air	Wajib dipenuhkan
gtn1	Jenis guna tanah 1	Wajib dipenuhkan
kemaskini	Tarikh pengemaskinian dijalankan bagi mana-mana lot yang terlibat dengan perubahan	Diisi sekiranya lot tersebut dikemaskini.
luas_h	Luas dalam unit hektar	Wajib dipenuhkan
fcode	Merujuk kepada Malaysia Standard MS1759:2024 (DD1000 – semasa)	Wajib dipenuhkan
kod_gtn	Klasifikasi guna tanah – warna mengikut gtn1	Wajib dipenuhkan
negeri_id	Kod negeri merujuk kepada kod yang disediakan oleh pihak JUPEM (contoh: 02 – Kedah)	Wajib dipenuhkan
daerah_id	Gabungan kod negeri dan kod daerah yang disediakan oleh JUPEM (contoh: 0201 – Kota Setar)	Wajib dipenuhkan

3.1.4 PERINCIAN KLASIFIKASI GUNA TANAH UTAMA

Perincian empat (4) klasifikasi guna tanah utama adalah seperti berikut:

GUNA TANAH UTAMA	DEFINISI	KOD GTN	R	G	B	SKTN / WARNA
Tepu Bina	Tepu bina merujuk kepada kawasan pembangunan sedia ada yang terdiri daripada lapan (8) jenis guna tanah iaitu:					
	i. Perumahan	TRM000	167	74	17	
	ii. Komersial	TPK000				
	iii. Industri	TPI000				
	iv. Institusi dan Kemudahan Masyarakat	TIS000				
	v. Tanah Lapang dan Rekreasi	TLR000				
	vi. Tanah Pembangunan	TP000				
	vii. Pengangkutan	IPG000				
	viii. Infrastruktur dan Utiliti	IFU000				
Hutan	Hutan merujuk kepada semua kategori hutan iaitu Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Bukan Hutan Simpanan Kekal (Bukan HSK).	HTN000	34	139	34	
Pertanian	Pertanian merujuk kepada semua kategori guna tanah pertanian merangkumi tanaman makanan, tanaman komoditi, tanaman lain, pertanian campuran, penternakan, perikanan/akuakultur dan tanah pertanian yang tidak diusahakan.	PT000	147	197	114	
Badan Air	Badan air adalah termasuk semua kategori guna tanah badan air dan pantai.					
	i. Badan Air	BA000	0	255	255	
	ii. Pantai	PN000	0			

Jadual 3.4: Perincian Klasifikasi Guna Tanah Utama

3.2 GUNA TANAH SEMASA

Guna tanah semasa merujuk kepada penggunaan tanah sedia ada di atas tanah tersebut termasuk ciri-ciri semula jadi atau binaan manusia, contohnya badan air, hutan, perumahan, industri, infrastruktur dan kawasan lapang. Perubahan guna tanah yang berlaku di atas setiap tapak/lot dikemaskini dan dipaparkan dalam Sistem I-Plan.

JENIS GUNA TANAH 1

Klasifikasi guna tanah semasa merujuk kepada pengkategorian penggunaan tanah berdasarkan fungsinya atau aktiviti yang berlaku di atas tanah tersebut yang dibahagi kepada tiga (3) peringkat iaitu guna tanah 1, guna tanah 2 dan guna tanah 3.

Guna tanah 1 merujuk kepada 12 jenis guna tanah iaitu:

- | | | | |
|----------|------------------------------------|-----------|---------------------------|
| 1 | Perumahan | 7 | Pengangkutan |
| 2 | Komersial | 8 | Infrastruktur dan Utiliti |
| 3 | Industri | 9 | Pertanian |
| 4 | Institusi dan Kemudahan Masyarakat | 10 | Hutan |
| 5 | Tanah Lapang dan Rekreasi | 11 | Badan Air |
| 6 | Tanah Pembangunan | 12 | Pantai |

Susunan klasifikasi setiap 12 jenis guna tanah masing-masing diperincikan dengan kategori guna tanah 2. Manakala guna tanah 3 pula merupakan perincian aktiviti di setiap kategori guna tanah 2 bertujuan untuk memudahkan pengumpulan, penyusunan dan penyediaan maklumat guna tanah mengikut kumpulan guna tanah. Klasifikasi guna tanah ini dibentuk melalui penggabungan guna tanah yang mempunyai persamaan kategori dan aktiviti utama mengikut kriteria persamaan yang khusus (Rujuk Ringkasan Klasifikasi Guna Tanah di Rajah 3.1 – Rajah 3.12). Secara keseluruhannya pecahan kategori dan aktiviti guna tanah adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS GUNA TANAH 1	JUMLAH KATEGORI GUNA TANAH 2	JUMLAH AKTIVITI GUNA TANAH 3
1.	Perumahan	4	25
2.	Komersial	5	52
3.	Industri	4	58
4.	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	9	82
5.	Tanah Lapang dan Rekreasi	3	13
6.	Tanah Pembangunan	2	4
7.	Pengangkutan	4	26
8.	Infrastruktur dan Utiliti	10	62
9.	Pertanian	7	34
10.	Hutan	2	7
11.	Badan Air	3	12
12.	Pantai	2	6
Jumlah		55	381

Jadual 3.4: Perincian Jumlah Jenis, Kategori dan Aktiviti Guna Tanah Semasa

Rajah 3.1: Ringkasan Klasifikasi Perumahan



Rajah 3.2: Ringkasan Klasifikasi Komersial



...Sambungan Rajah 3.2: Klasifikasi Komersial

KOMERSIAL	<ul style="list-style-type: none"> 4. Pembangunan Penggunaan Bercampur Menegak (Vertical) 5. Kegunaan Khusus Komersial 	<ul style="list-style-type: none"> 1. Komersial - Perumahan 2. Komersial - Industri 3. Pembangunan Penggunaan Bercampur Lain 1. Pendidikan Swasta 2. Kesihatan Swasta 3. Kemudahan Swasta 4. Sukan dan Rekreasi Swasta 5. Perkuburan swasta / Taman Peringatan 6. Pusat Jagaan swasta 7. Tempat Letak Kenderaan Swasta 8. Rumah Persatuan/ Pertubuhan Swasta 9. Tapak Bazar 10. Asrama Pelajar 11. Penginapan Pekerja 12. Pangsapuri Perkhidmatan 13. Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Swasta (R&D) 14. Pusat Data (Data Centre) 15. Nurseri/Tapak Semaian 16. Sekolah Memandu 17. Pejabat Kerajaan/Pentadbiran 18. Kilang Tanaman (Plant Factory) 19. Lain-lain Kegunaan Khusus Komersial
------------------	--	--

Rajah 3.3: Ringkasan Klasifikasi Industri

INDUSTRI	<ul style="list-style-type: none"> 1. Bukan Taman Perindustrian 2. Taman Perindustrian 	<ul style="list-style-type: none"> 1. Aeroangkasa 2. Alat Pengukuran Saintifik 3. Automotif/Jentera/Kelengkapan Kenderaan 4. Barang Kitar Semula 5. Bengkel/Depo Kenderaan 6. Gudang (Warehouse) 7. Industri Tenaga Boleh Baharu 8. Kayu dan Perabot 9. Kelengkapan Farmaseutikal/Perubatan/Kosmetik/Optikal 10. Kertas/Percetakan dan Penerbitan 11. Kimia/Produk Kimia 12. Komputer, Elektrik dan Elektronik 13. Kulit/Produk Kulit 14. Logam/Fabrikasi Logam 15. Makanan dan Minuman 16. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)/Industri Desa 17. Produk Getah 18. Produk Mineral/Galian Bukan Logam 19. Produk Petroleum 20. Produk Plastik 21. Tekstil dan Pakaian 22. Tembakau/Produk Tembakau 23. Unit Kosong/Tidak Beroperasi 24. Industri Lain <ul style="list-style-type: none"> 1. Aeroangkasa 2. Alat Pengukuran Saintifik 3. Automotif/Jentera/Kelengkapan Kenderaan 4. Barang Kitar Semula 5. Bengkel/Depo Kenderaan 6. Gudang (Warehouse) 7. Industri Tenaga Boleh Baharu 8. Kayu dan Perabot 9. Kelengkapan Farmaseutikal/Perubatan/Kosmetik/Optikal 10. Kertas/Percetakan dan Penerbitan 11. Kimia/Produk Kimia 12. Komputer, Elektrik dan Elektronik 13. Kulit/Produk Kulit
-----------------	--	--

...Sambungan Rajah 3.3: Klasifikasi Industri

INDUSTRI	2. Taman Perindustrian	14. Logam/Fabrikasi Logam 15. Makanan dan Minuman 16. Produk Getah 17. Produk Mineral/Galian Bukan Logam 18. Produk Petroleum 19. Produk Plastik 20. Tekstil dan Pakaian 21. Tembakau/Produk Tembakau 22. Unit Kosong/Tidak Beroperasi 23. Industri Lain
	3. Perlombongan	1. Perlombongan 2. Kuari
	4. Kegunaan Khusus Industri	1. Kemudahan Pelancar Angkasa 2. Kilang Tanaman (Plant Factory) 3. Ladang Solar 4. Penginapan Pekerja 5. Pusat Data (Data Centre) 6. Pusat Pameran/ Showroom 7. Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) 8. Pusat Penyembelihan 9. Lain-lain Kegunaan Khusus Industri

Rajah 3.4: Ringkasan Klasifikasi Institusi dan Kemudahan Masyarakat

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT	1. Pendidikan	1. Asrama 2. Institut Pengajian Tinggi/Kolej/Politeknik/Maktab/Institut Perguruan 3. Kolej Vokasional/Pusat Latihan Teknikal dan Vokasional 4. Kompleks Sekolah Wawasan 5. Maahad Tahfiz 6. Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) 7. Sekolah Berasrama Penuh 8. Sekolah Bersepadau/Model Khas 9. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) 10. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) 11. Sekolah Menengah Agama 12. Sekolah Menengah Kebangsaan 13. Sekolah Pendidikan Khas 14. Sekolah Rendah Agama 15. Sekolah Kebangsaan 16. Tadika/Pra Sekolah 17. Tabika 18. Taska 19. Kemudahan Pendidikan Lain
	2. Kesihatan	1. Hospital 2. Hospital Pakar 3. Klinik Kesihatan/Poliklinik 4. Klinik Desa 5. Klinik Ibu dan Anak 6. Klinik Komuniti 7. Klinik Gigi 8. Kemudahan Kesihatan Lain
	3. Keagamaan	1. Masjid 2. Surau 3. Tokong 4. Kuil 5. Gereja 6. Gurdwara 7. Wat 8. Kemudahan Keagamaan Lain

...Sambungan Rajah 3.4: Klasifikasi Institusi dan Kemudahan Masyarakat

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT	4. Perkuburan	1. Perkuburan Islam 2. Perkuburan Buddha/Tao 3. Perkuburan Hindu 4. Perkuburan Kristian 5. Krematorium/Dewan Pengurusan Mayat 6. Kolumbarium 7. Perkuburan Lain
	5. Keselamatan	1. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia 2. Balai Bomba dan Penyelamat 3. Balai Polis 4. Balai Polis Komuniti/Pondok Polis 5. Cure & Care Vocational Centre (CCVC) 6. Depoh Tahanan Imigresen/Khas 7. Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat 8. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) 9. Ibu Pejabat Polis Kotinjen (IPK) 10. Kem Tentera 11. Kem/Markas Pasukan Gerakan Am (PGA) 12. Lapang Sasar 13. Pangkalan/Markas/Depoh Polis Marin 14. Penjara/Pusat Tahanan Sementara 15. Pusat Latihan Tentera/Polis/Bomba/Rela/APM/Kastam/KPDNKK/JPJ 16. Keselamatan Lain
	6. Rumah Kebajikan	1. Rumah Anak Yatim 2. Pusat Pemuliharan Akhlak 3. Pusat Transit Gelandangan 4. Rumah Orang Kelainan Upaya 5. Rumah Warga Emas 6. Rumah Kebajikan Lain
	7. Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun	1. Badan Berkanun 2. Galeri/Memorial 3. Institut Latihan 4. Istana 5. Mahkamah 6. Muzium 7. Pejabat Kerajaan/Agenzi Kerajaan 8. Pejabat Penghulu 9. Stesen Kaji Cuaca 10. Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun Lain
	8. Kemudahan Awam	1. Balai Raya/Pusat Komuniti 2. Dewan Orang Ramai 3. Dewan Serbaguna Awam 4. Perpustakaan 5. Tandas Awam 6. Kemudahan Awam Lain
	9. Rumah Persatuan/ Pertubuhan	1. Rumah Persatuan/Pertubuhan 2. Bomba Sukarela


Rajah 3.5: Ringkasan Klasifikasi Tanah Lapang dan Rekreasi



Rajah 3.6: Ringkasan Klasifikasi Tanah Pembangunan



Rajah 3.7: Ringkasan Klasifikasi Pengangkutan



Rajah 3.8: Ringkasan Klasifikasi Infrastruktur dan Utiliti

INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	
1. Bekalan Elektrik	1. Laluan Rentis 500 kv 2. Laluan 275 kv 3. Laluan Rentis 132 kv 4. Laluan Rentis 32 kv 5. Laluan Rentis 22 kv 6. Loji Janakuasa Elektrik 7. Loji Janakuasa Hidro 8. Pencawang Masuk Utama (PMU) 9. Pencawang Pembahagi Utama (PPU) 10. Pencawang Elektrik (PE) 11. Loji Janakuasa Arang Batu 12. Loji Janakuasa Kincir Angin 13. Loji Janakuasa Solar 14. Bekalan Elektrik Lain
2. Bekalan Gas/Petroleum	1. City Gates 2. Laluan Paip Gas (PGU I, PGU II, PGU III) 3. Stesen Pengagihan Gas 4. Bekalan Gas/Petroleum lain
3. Bekalan Air	1. Loji Rawatan Air 2. Paip Pengairan Air Antara Negara/Negeri/Daerah 3. Rumah Pam Bekalan Air 4. Takat Pengambilan Air 5. Tangki Air 6. Bekalan Air Lain
4. Pengairan dan Perparitan	1. Benteng Pemecah Ombak 2. Kolam Takungan 3. Rangkaian Sistem Perparitan/Monsun Drain 4. Saliran Pertanian 5. Stesen Pam 6. Tali Air dan Jalan 7. Pengairan dan Perparitan Lain
5. Telekomunikasi	1. Satelit Bumi 2. Bangunan Ibu Sawat 3. IT Hub 4. Menara Pemancar Telekomunikasi 5. Menara Radar/Antena 6. Rizab Telekomunikasi 7. Stesen Bukit 8. Stesen Radio 9. Stesen Radio Selular 10. Stesen VSAT 11. Telekomunikasi Lain
6. Pengurusan Sisa Pepejal	1. Pusat Rawatan Sisa Pepejal 2. Pusat Pemindahan Sisa Pepejal 3. Loji Rawatan Termal (Incinerator) 4. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari 5. Tapak Pusat Pengumpulan/Pemindahan 6. Pusat Kitar Semula 7. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukan Sanitari 8. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bersepadu 9. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Yang Telah Ditutup 10. Pelupusan Sisa Pepejal Lain
7. Pelupusan Sisa Berjadual	1. Pusat Pengurusan Bahan Kimia/Berbahaya 2. Pusat Pengurusan Sisa Klinikal 3. Pusat Pengurusan Sisa Radioaktif 4. Buangan Terjadual Lain

...Sambungan Rajah 3.8: Ringkasan Klasifikasi Infrastruktur dan Utiliti



Rajah 3.9: Ringkasan Klasifikasi Pertanian




Rajah 3.10 Ringkasan Klasifikasi Hutan



Rajah 3.11: Ringkasan Klasifikasi Badan Air



Rajah 3.12: Ringkasan Klasifikasi Pantai



METADATA GUNA TANAH SEMASA

Metadata guna tanah semasa menerangkan mengenai maklumat guna tanah bagi setiap lot. Bagi menyeragamkan dan memudahkan penyimpanan maklumat kepada data guna tanah semasa, struktur pangkalan data guna tanah semasa perlu mematuhi metadata sepertimana di Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Metadata Guna Tanah Semasa

Medan Data	Jenis Data			Catatan
	ArcGIS	MapInfo	QGIS	
UPI	Text _16	Character _16	String _16	<i>Unique Parcel Identifier (UPI) berdasarkan National Digital Cadastral Database (NDCDB)</i>
gtn1	Text _50	Character _50	String _50	Jenis guna tanah 1
gtn2	Text _50	Character _50	String _50	Kategori guna tanah 2
gtn3	Text _150	Character _150	String _150	Perincian aktiviti guna tanah 3
nama	Text _150	Character _150	String _150	Nama Khas (Cth: Sek. Ren. Seksyen 13, Shah Alam)
status / catatan	Text _150	Character _150	String _150	Status khas (ikut keperluan) bagi kategori atau aktiviti guna tanah. Contoh : perumahan – rumah mampu milik ; tanah lapang – warta
kemaskini	Date	Date	Date	Tarikh pengemaskinian dijalankan bagi mana-mana lot yang terlibat dengan perubahan
luas_h	Double _12,4	Decimal _12,4	Real _12,4	Luas dalam unit hektar
fcode	Text _6	Character _6	String _6	Kod fitur berdasarkan Malaysia Standard MS1759:2024 (DD1000 – semasa)
kod_gtn	Text _7	Character _7	String _7	Kod guna tanah 3
negeri_id	Text _2	Character _2	String _2	Kod negeri merujuk kepada kod yang disediakan oleh pihak JUPEM
daerah_id	Text _4	Character _4	String _4	Gabungan kod negeri dan kod daerah yang disediakan oleh JUPEM (contoh: 0201 – Kota Setar)
mukim_id	Text _6	Character _6	String _6	Kombinasi kod negeri, kod daerah dan kod mukim yang disediakan oleh pihak JUPEM
seksyen_id	Text _9	Character _9	String _9	Kombinasi kod negeri, kod daerah, kod mukim dan kod seksyen yang disediakan oleh pihak JUPEM
no_lot	Text _10	Character _10	String _10	No lot
pbt_id	Text _6	Character _6	String _6	Kod PBT merujuk kepada Data Dictionary Sektor Awam (DDSA)
tahun_data	Short _4	Integer _4	Integer _4	Tahun data dikemaskini

PANDUAN PENGISIAN MAKLUMAT GUNA TANAH SEMASA

Penyedia data perlu mematuhi panduan pengisian maklumat guna tanah semasa seperti Jadual 3.6 bagi memastikan maklumat yang penting dan diperlukan telah diambil kira dan direkodkan dalam pangkalan data geospatial.

Jadual 3.6: Panduan Pengisian Maklumat Guna Tanah Semasa

METADATA GUNA TANAH SEMASA

Medan Data	Catatan	Panduan Pengisian Maklumat Guna Tanah Semasa
UPI	<i>Unique Parcel Identifier (UPI)</i> berdasarkan <i>National Digital Cadastral Database</i> (NDCDB)	UPI merupakan gabungan kod negeri, daerah, mukim, seksyen dan nombor lot. (Perlu dimasukkan sekiranya ada maklumat no lot)
gtn1	Jenis guna tanah	Wajib dipenuhkan
gtn2	Kategori guna tanah	Wajib dipenuhkan
gtn3	Perincian aktiviti guna tanah	Wajib dipenuhkan
nama	Nama Khas (Cth: Sek. Ren. Seksyen 13, Shah Alam)	Digalakkan untuk dilengkapkan bagi memudahkan carian maklumat
status / catatan	Status khas (ikut keperluan) bagi kategori atau aktiviti guna tanah. Contoh : perumahan – rumah mampu milik; tanah lapang – warta	Diisi mengikut keperluan
kemaskini	Tarikh pengemas kinian dijalankan bagi mana-mana lot yang terlibat dengan perubahan	Wajib dipenuhkan
luas_h	Luas dalam unit hektar	Wajib dipenuhkan
fcode	Kod fitur berdasarkan Malaysia Standard MS1759:2024 (DD1000 – semasa)	Wajib dipenuhkan
kod_gtn	Klasifikasi guna tanah warna mengikut gtn3	Wajib dipenuhkan
negeri_id	Kod negeri merujuk kepada kod yang disediakan oleh pihak JUPEM	Wajib dipenuhkan
daerah_id	Gabungan kod negeri dan kod daerah yang disediakan oleh JUPEM (contoh: 0201 – Kota Setar)	Wajib dipenuhkan
mukim_id	Kombinasi kod negeri, kod daerah dan kod mukim yang disediakan oleh pihak JUPEM	Wajib dipenuhkan
seksyen_id	Kombinasi kod negeri, kod daerah, kod mukim dan kod seksyen yang disediakan oleh pihak JUPEM	Wajib dipenuhkan
no_lot	No lot	No lot diperolehi daripada maklumat dalam lot NDCDB JUPEM
pbt_id	Kod PBT merujuk kepada Data Dictionary Sektor Awam (DDSA)	Wajib dipenuhkan
tahun_data	Tahun data dikemaskini	Wajib dipenuhkan

3.2.1 PERUMAHAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun dengan sektor perumahan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Guna tanah untuk perumahan telah berkembang seiring dengan pertumbuhan penduduk dan urbanisasi. Matlamat utama perumahan pada asalnya dilihat sebagai ‘tempat tinggal’ (shelter) telah berubah kepada memastikan perumahan disediakan secara mencukupi dan mampu dimiliki oleh pelbagai golongan masyarakat sehingga keperluan untuk menikmati persekitaran kediaman yang kondusif, selesa, berkualiti, selamat dan harmoni.

Definisi Perumahan

Secara umumnya, perumahan merujuk kepada **struktur atau unit kediaman yang disediakan untuk tujuan tempat tinggal individu atau keluarga**. Kamus Dewan Edisi Keempat pula mentafsirkan perumahan sebagai:

“Kumpulan rumah, rumah-rumah tempat tinggal.”

Klasifikasi Perumahan

Guna tanah perumahan diklasifikasikan kepada empat (4) kategori perumahan iaitu:

i. Perumahan Strata

Perumahan strata merujuk pada bentuk pemilikan harta tanah yang mana individu memiliki unit rumah tertentu (seperti rumah pangsa, pangsapuri, kondominium, *townhouse* dan rumah-rumah dalam skim komuniti berpagar) yang membahagikan bangunan dan tanah kepada petak-petak, petak aksesori dan harta bersama serta telah ditetapkan sistem pengurusan bagi skim tersebut.



Eco Majestic, Semenyih



Kondominium Sentul Utama



The Strata Townhouse, Bangi

Contoh Kategori Perumahan Strata

ii. Perumahan Bukan Strata

Perumahan bukan strata merujuk kepada unit-unit perumahan bertanah (selain daripada *landed strata*).

iii. Kampung

Sebuah petempatan tradisi di kawasan desa yang mempunyai ciri-ciri tradisional yang tinggi dari segi sosio-budaya dan fizikal.

iv. Setinggan

Kawasan petempatan atau rumah yang dibina tanpa kebenaran atau tanpa perancangan formal yang kebiasaannya dibina atas tanah kerajaan atau tanah persendirian.


Perincian Klasifikasi Perumahan
Jadual 3.7: Perincian Klasifikasi Perumahan

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
PERUMAHAN			TRM000	Kumpulan rumah, rumah-rumah tempat tinggal. (tidak termasuk pangaspuri perkhidmatan)	Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), Kamus Dewan Edisi Ke-4	233	133	100	
Perumahan	Perumahan Strata		TRM100	Perumahan strata merujuk pada pemilikan harta tanah yang mana individu memiliki unit rumah tertentu (seperti rumah pangsa, pangaspuri, kondominium, townhouse dan rumah-rumah dalam skim komuniti berpagar) yang membahagikan bangunan dan tanah kepada petak-petak, petak aksesori dan harta bersama serta telah ditetapkan sistem pengurusan bagi skim tersebut.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	255	161	122	
Perumahan	Perumahan Strata	Rumah Berbilang Tingkat	TRM101	Bangunan bertingkat yang mengandungi beberapa unit rumah yang berasingan. Kemudahan asas yang disediakan oleh pihak pemaju/pengurusan adalah lebih daripada rumah flat seperti surau, tempat letak kereta terbuka, dan berbungung, kawasan rekreasi, taman permainan, khidmat keselamatan dan dikelilingi kawasan berpagar.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	255	161	122	
Perumahan	Perumahan Strata	Penginapan Pekerja	TRM102	Satu kemudahan tempat tinggal pekerja secara berpusat atau berkelompok (sama ada pekerja asing atau tempatan) di sesuatu kawasan atau bangunan khas (kekal/ separa kekal) yang dilengkapi pelbagai kemudahan asas dan sokongan yang lebih teratur dan terancang untuk keselesaan penghuni dalam persekitaran kondusif.	PLANMalaysia, 2023, GPP Penginapan Pekerja Berpusat (Centralised Labpur Quarters - CLQ).	255	161	122	
Perumahan	Perumahan Strata	Rumah Bandar (Tow nhouse)	TRM103	Struktur rumah bandar seperti rumah teres dua tingkat yang bersambung secara menegak atau melintang antara satu sama lain dalam satu bangunan. Cuma perbezaannya ialah setiap tingkat diduduki oleh penghuni yang berlainan dan mempunyai pintu masuk yang berasingan.	Jabatan Perangkaan Malaysia (2018). Jenis Tempat Kediaman, http://www.dosm.gov.my	255	161	122	
Perumahan	Perumahan Strata	Sesebuah	TRM104	Dua buah rumah berasingan tetapi berkongsi dinding yang sama dan mempunyai pintu masuk berasingan di kawasan skim kediaman berpagar (<i>Gated Community</i>) dan berhakmilik strata (yang dibangunkan mengikut peruntukan Seksyen 6(1A) Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)).	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	255	161	122	

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
Perumahan	Perumahan Strata	Berkembar	TRM105	Dua buah rumah berasingan tetapi berkongsi dinding yang sama dan mempunyai pintu masuk berasingan di kawasan skim kediaman berpagar (gated community) dan berhakmilik strata (yang dibangunkan mengikut peruntukan subseksyen 6(1A) Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)).	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	255	161	122	
Perumahan	Perumahan Strata	Teres	TRM106	Rumah berasingan dibina secara berbaris tetapi berkongsi dinding dengan rumah di sebelahnya. Ia mengandungi sekurang- kurangnya tiga unit rumah atau lebih dan dibina di skim kediaman berpagar (gated community) dan berhakmilik strata (yang dibangunkan mengikut peruntukan subseksyen 6(1A) Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)).	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	255	161	122	
Perumahan	Perumahan Strata	Kluster	TRM107	Rumah kluster merupakan tempat kediaman atau beberapa unit bangunan kediaman yang berkongsi dinding belakang dengan rumah lain di skim kediaman berpagar (<i>gated community</i>) dan berhakmilik strata (yang dibangunkan mengikut peruntukan subseksyen 6(1A) Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)).	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	255	161	122	
Perumahan	Perumahan Strata	Pondok Pengawal	TRM108	Struktur atau pos kecil yang biasanya dibina berhampiran pintu masuk utama kawasan perumahan dan berfungsi sebagai pusat kawalan keselamatan untuk memastikan keselamatan penduduk dan hartanah dalam komuniti strata.	Olahan daripada PLANMalaysia. 2019, GPP Skim Perumahan Komuniti Strata.	255	161	122	
Perumahan	Perumahan Bukan Strata		TRM200	Perumahan bukan strata merujuk kepada unit-unit perumahan bertanah (selain daripada <i>landed strata</i>).	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	251	206	177	
Perumahan	Perumahan Bukan Strata	Sesebuah	TRM201	Rumah berasingan tidak berkongsi dinding dengan rumah lain yang dibina.	Jabatan Perangkaan Malaysia (2018). Jenis Tempat Kediaman, http://www.dosm.gov.my	251	206	177	
Perumahan	Perumahan Bukan Strata	Berkembar	TRM202	Dua buah rumah berasingan tetapi berkongsi dinding yang sama dan mempunyai pintu masuk berasingan.	Jabatan Perangkaan Malaysia (2018). Jenis Tempat Kediaman, http://www.dosm.gov.my	251	206	177	

BAB 3

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
Perumahan	Perumahan Bukan Strata	Teres	TRM203	Rumah berasingan dibina secara berbaris tetapi berkongsi dinding dengan rumah di sebelahnya. Ia mengandungi sekurang-kurangnya tiga unit atau lebih.	Jabatan Perangkaan Malaysia (2018). Jenis Tempat Kediaman, http://www.dosm.gov.my	251	206	177	
Perumahan	Perumahan Bukan Strata	Kluster	TRM204	Rumah 'Kluster' merupakan tempat kediaman atau beberapa unit bangunan kediaman yang berkongsi dinding belakang dengan rumah lain.	Jabatan Perangkaan Malaysia (2018). Jenis Tempat Kediaman, http://www.dosm.gov.my	251	206	177	
Perumahan	Perumahan Bukan Strata	Kuarters Kerajaan: Rumah Sesebuah/Teres/Berbilang Tingkat	TRM205	Tempat tinggal kakitangan atau pekerja yang disediakan oleh kerajaan.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	251	206	177	
Perumahan	Perumahan Bukan Strata	Penginapan Pekerja	TRM206	Satu kemudahan tempat tinggal pekerja secara berpusat atau berkelompok (sama ada pekerja asing atau tempatan) di sesuatu kawasan atau bangunan khas (kekal/ separa kekal) yang dilengkapi pelbagai kemudahan asas dan sokongan yang lebih teratur dan terancang untuk keselesaan penghuni dalam persekitaran kondusif.	PLANMalaysia, 2023, GPP Penginapan Pekerja Berpusat (Centralised Labpur Quarters - CLQ).	251	206	177	
Perumahan	Perumahan Bukan Strata	Perumahan Bukan Strata Lain	TRM207	Jenis perumahan bukan strata yang lain (yang aktivitinya tidak tersenaraikan atas).	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	251	206	177	
Perumahan	Kampung		TRM300	Sebuah petempatan tradisi di kawasan desa yang mempunyai ciri-ciri tradisional yang tinggi dari segi sosiobudaya dan fizikal	PLANMalaysia (2017), Dpf Desa Negara 2030	205	149	117	
Perumahan	Kampung	Kampung Tersusun	TRM301	<ul style="list-style-type: none"> Kampung yang dirancang berdasarkan beberapa sebab seperti penempatan semula Kampung, pemberian tanah dan bencana alam. Susunatur Kampung yang tersusun. Densiti rendah dan sederhana. Penduduk terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi. 	PLANMalaysia (2017), DPF Desa Negara 2030	205	149	117	

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
Perumahan	Kampung	Petempatan Tanah Rancangan FELDA/FELCRA/RISDA	TRM302	<ul style="list-style-type: none"> Petempatan kampung terancang berikutan dari pembangunan tanah secara besar-besaran. Majoriti penduduk adalah kaum Melayu. Konsep asas adalah untuk mewujudkan suatu petempatan yang 'self-contained' bertujuan membasmi kemiskinan dan memberi hak milik tanah di kalangan penduduk di kawasan desa. Corak petempatan berbentuk berpusat (concentrated) atau berkelompok. Kepadatan penduduk sederhana tinggi. 	PLANMalaysia (2017), DPF Desa Negara 2030	205	149	117	
Perumahan	Kampung	Kampung Baru	TRM303	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan petempatan kampung yang wujud pada masa darurat (1948-1960) bagi mengatasi masalah ancaman komunis. Majoriti penduduk adalah kaum Cina. Terletak di ladang-ladang getah, kawasan perlombongan bijih timah dan di sekitar bandar-bandar sedia ada. Corak petempatan adalah berpusat dan berbentuk <i>grid iron</i>. 	PLANMalaysia (2017), DPF Desa Negara 2030	205	149	117	
Perumahan	Kampung	Kampung Tradisional	TRM304	<ul style="list-style-type: none"> Wujud secara tidak dirancang atau organik. Kampung tradisional di bandar menampung bilangan penduduk yang tinggi dan majoriti terlibat dengan aktiviti perbandaran. Keadaan fizikal kampung kurang teratur dan sesak. Kampung tradisional di desa berdensiti rendah. Taburan petempatan dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi setempat seperti pertanian, perlombongan dan sebagainya. Corak adalah berjajar atau berkelompok. Kampung tradisional juga boleh terdapat di pulau-pulau. Majoriti penduduk adalah kaum Melayu dan Cina. 	PLANMalaysia (2017), DPF Desa Negara 2030	205	149	117	
Perumahan	Kampung	Kampung Nelayan	TRM305	<ul style="list-style-type: none"> Petempatan kampung yang terletak di kuala atau sepanjang sungai, di tepi-tepi pantai dan di pulau-pulau. Majoriti penduduk adalah kaum Melayu dan Cina. Pekerjaan adalah menangkap ikan, membuat perahu dan menjalankan aktiviti berasaskan hasil laut dan sungai. Corak fizikal perkampungan nelayan dipengaruhi oleh faktor semula jadi seperti sungai, muara dan pantai. Keadaan kampung adalah padat. 	PLANMalaysia (2017), DPF Desa Negara 2030	205	149	117	

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
Perumahan	Kampung	Kampung Atas Air/ Kampung Bagan	TRM306	<ul style="list-style-type: none"> Terletak di atas air sama ada di sungai, tasik atau laut dan rumah-rumah dibina secara bertiang di atas air. Dihubung oleh jeti atau jambatan kayu. Pelbagai densiti mengikut lokasi. Majoriti penduduk adalah kaum Melayu dan Cina. Pekerjaan adalah menangkap ikan, membuat perahu dan menjalankan aktiviti berdasarkan hasil laut dan sungai. 	PLANMalaysia (2017), Dasar Perancangan Fizikal (DPF) Desa Negara 2030	205	149	117	
Perumahan	Kampung	Kampung Orang Asli	TRM307	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan petempatan yang wujud secara tidak terancang dan mempunyai identiti tersendiri. Kebiasaannya jauh di kawasan pedalaman dan berdekatan sungai. Corak petempatan adalah berselerak mengikut suku kaum. Aktiviti pekerjaan sara diri seperti pertanian, mencari hasil hutan, memburu dan menangkap ikan. 	PLANMalaysia (2017), Dasar Perancangan Fizikal (DPF) Desa Negara 2030	205	149	117	
Perumahan	Kampung	Petempatan Estet/Perumahan Ladang	TRM308	<ul style="list-style-type: none"> Rumah pekerja ladang yang disediakan oleh majikan pengurusan ladang. Corak petempatan adalah berkelompok. Majoriti penduduk kaum India. Aktiviti utama sebagai peladang kelapa sawit dan getah. 	PLANMalaysia (2017), Dasar Perancangan Fizikal (DPF) Desa Negara 2030	205	149	117	
Perumahan	Kampung	Perumahan Kampung Lain	TRM309	Jenis rumah kampung yang lain (yang aktivitinya tidak tersenarai di atas).	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	205	149	117	
Perumahan	Setinggan		TRM400	Kawasan petempatan atau rumah yang dibina tanpa kebenaran atau perancangan formal di mana kebiasaannya dibina atas tanah kerajaan atau tanah persendirian.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	165	113	100	
Perumahan	Setinggan	Setinggan	TRM401	Kawasan petempatan atau rumah yang dibina tanpa kebenaran atau perancangan formal di mana kebiasaannya dibina atas tanah kerajaan atau tanah persendirian.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	165	113	100	

3.2.2 KOMERSIAL


Guna tanah komersial merujuk kepada kawasan yang diperuntukkan untuk aktiviti perdagangan, perniagaan dan perkhidmatan. Aktiviti guna tanah ini memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi dan penyediaan peluang pekerjaan di kawasan tertentu.

Definisi Komersial

Komersial merupakan istilah yang digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang, dan takrifannya boleh berbeza-beza bergantung pada bidang atau konteks yang digunakan. Kebiasaannya, komersial akan merujuk kepada aktiviti yang berkaitan atau bertujuan untuk mengaut keuntungan. Istilah lain yang sering digunakan dan membawa maksud yang sama adalah perniagaan atau perdagangan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, komersial didefinisikan sebagai:

“ Berkaitan dengan atau bersifat perdagangan: kepentingan dan tujuan - nilai-nilai ekonomi.”



Garis Panduan Perancangan (GPP) Kawasan Perdagangan, PLANMalaysia pula mentakrifkan perdagangan sebagai aktiviti penawaran, pertukaran, perkhidmatan dan penyimpanan barang untuk **tujuan perniagaan**.

Dalam konteks guna tanah perancangan, guna tanah komersial boleh ditakrifkan sebagai **segala aktiviti berkaitan dengan atau bersifat perdagangan yang mempunyai kepentingan dan tujuan nilai-nilai ekonomi sama ada melibatkan sebuah kawasan / lot atau pun bangunan**.

Klasifikasi Komersial

Guna tanah komersial diklasifikasikan kepada lima (5) kategori komersial iaitu:

i. Teres

Premis komersial yang dibina bersambung antara satu sama lain dalam satu barisan (lebih daripada 2 unit) yang berkongsi dinding sisi dengan premis di sebelahnya.



Contoh Komersial Kategori Teres

ii. Berkembar

Premis komersial yang dibina bersebelahan dan berkongsi satu dinding tengah, tetapi mempunyai dua (2) unit berasingan.



Contoh Komersial Kategori Berkembar

iii. Bangunan Sesebuah

Premis komersial berasingan yang tidak berkongsi dinding (struktur bebas) dengan premis komersial lain.



Contoh Komersial Kategori Bangunan Sesebuah

iv. Pembangunan Penggunaan Bercampur Menegak (Vertical)


Pembangunan yang membenarkan lebih dari satu penggunaan di dalam sebuah bangunan atau bangunan-bangunan yang kesemuanya didirikan di atas satu lot tanah yang lazimnya merupakan pembangunan berstrata. Jenis penggunaan bercampur hendaklah saling menyokong di antara satu sama lain dan terdiri daripada penggunaan bercampur kediaman, komersial dan kemudahan awam.



i-SoHo Shah ALam



SoFo, Suria Jaya



SoVo, Bukit Jalil

Contoh Komersial Kategori Pembangunan Bercampur

Pembangunan *Small Office Home Office* (SoHo), *Small Office Flexible Office* (SoFo) dan *Small Office Virtual Office* (SoVo) merupakan trend pembangunan penggunaan bercampur dalam pasaran harta tanah masa kini terutama bagi memenuhi keperluan golongan usahawan muda, ahli perniagaan dan 'expatriate'. Trend pembangunan yang kian popular dan mendapat permintaan yang tinggi ini perlu dikawal dan dikenal pasti dalam maklumat guna tanah bagi memastikan keperluan penyediaan kemudahan untuk tujuan bekerja dan tempat tinggal diambil kira dalam perancangan pembangunan.

v. Kegunaan Khusus Komersial

Premis komersial yang menjalankan aktiviti lain selain aktiviti perniagaan.



Perincian Klasifikasi Komersial

Jadual 3.8: Perincian Klasifikasi Komersial

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
KOMERSIAL			TPK000	~Segala aktiviti berkaitan dengan atau bersifat perdagangan yang mempunyai kepentingan dan tujuan nilai-nilai ekonomi sama ada melibatkan sesebuah kawasan / lot atau pun bangunan.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	0	0	255	
Komersial	Teres		TPK100	Premis komersial yang dibina bersambung antara satu sama lain dalam satu barisan (lebih daripada 2 unit) yang berkongsi dinding sisi dengan premis di sebelahnya.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	31	117	255	
Komersial	Teres	Kedai	TPK101	Premis komersial satu (1) tingkat yang menjalankan kegiatan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan yang khusus seperti kedai buku, kedai runcit, kedai makan, bakeri, dobi dan sebagainya.	Olahan daripada: PLANMALAYSIA (2017), GPP Perdagangan (GP003-A)	31	117	255	
Komersial	Teres	Rumah Kedai	TPK102	Premis komersial yang mempunyai dua (2) fungsi iaitu untuk kediaman dan perniagaan di dalam satu bangunan pada aras yang berbeza.	Olahan daripada: PLANMALAYSIA (2017), GPP Perdagangan (GP003-A)	31	117	255	
Komersial	Teres	Kedai Pejabat	TPK103	Premis komersial yang mempunyai dua (2) fungsi iaitu untuk pejabat dan perniagaan di dalam satu bangunan pada aras yang berbeza.	Olahan daripada: PLANMALAYSIA (2017), GPP Perdagangan (GP003-A)	31	117	255	
Komersial	Teres	Pejabat	TPK104	Premis komersial yang dijadikan tempat bekerja atau tempat diselenggarakan pelbagai urusan (tidak termasuk pejabat kerajaan)	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	31	117	255	

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
Komersial	Berkembar		TPK200	Premis komersial yang dibina bersebelahan dan berkongsi satu dinding tengah, tetapi mempunyai dua unit berasingan.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	137	207	240	
Komersial	Berkembar	Kedai	TPK201	Premis komersial berkembar satu (1) tingkat yang menjalankan kegiatan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan yang khusus seperti kedai buku, kedai runcit, kedai makan, bakeri, dobi dan sebagainya.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	137	207	240	
Komersial	Berkembar	Rumah Kedai	TPK202	Premis komersial berkembar yang mempunyai dua (2) fungsi iaitu untuk kediaman dan perniagaan di dalam satu bangunan pada aras yang berbeza.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	137	207	240	
Komersial	Berkembar	Kedai Pejabat	TPK203	Premis komersial berkembar yang mempunyai dua (2) fungsi iaitu untuk pejabat dan perniagaan di dalam satu bangunan pada aras yang berbeza.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	137	207	240	
Komersial	Berkembar	Pejabat	TPK204	Premis komersial berkembar yang dijadikan tempat bekerja atau tempat diselenggarakan pelbagai urusan (tidak termasuk pejabat kerajaan)	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	137	207	240	
Komersial	Bangunan Sesebuah		TPK300	Premis komersial berasingan yang tidak berkongsi dinding (struktur bebas) dengan premis komersial lain.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Kedai	TPK301	Premis komersial sesebuah yang menjalankan kegiatan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan yang khusus seperti kedai buku, kedai runcit, kedai makan, bakeri, dobi dan sebagainya.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Rumah Kedai	TPK302	Premis komersial sesebuah yang mempunyai dua (2) fungsi iaitu untuk kediaman dan perniagaan di dalam satu bangunan pada aras yang berbeza.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Kedai Pejabat	TPK303	Premis komersial sesebuah yang mempunyai dua (2) fungsi iaitu untuk pejabat dan perniagaan di dalam satu bangunan pada aras yang berbeza.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	13	152	186	

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
Komersial	Bangunan Sesebuah	Pejabat	TPK304	Premis komersial sesebuah yang dijadikan tempat bekerja atau tempat diselenggarakan pelbagai urusan (tidak termasuk pejabat kerajaan)	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Hypermarket	TPK305	Hypermarket adalah gedung perniagaan layandiri dalam bangunan sesebuah dengan keluasan ruang lantai perniagaan tidak kurang daripada 5,000 meter persegi yang menjual pelbagai jenis barang pengguna, merangkumi barang makanan dan bukan makanan, dalam pelbagai saiz, kuantiti dan bentuk pembungkusan. (KPDKK, 2012).	PLANMALAYSIA (2017), GPP Perdagangan (GP003-A)	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Pasaraya (Supermarket/ Superstore/ Departmental Store)	TPK306	Pasaraya adalah perniagaan runcit bersaiz sederhana besar yang menjual pelbagai jenis barang yang beroperasi dalam premis perniagaan dan ruang niaga.	PLANMALAYSIA (2017), GPP Perdagangan (GP003-A)	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Kompleks Perniagaan	TPK307	Kompleks (mall) perniagaan adalah merupakan satu pusat pembangunan perniagaan yang dibangunkan secara komprehensif di mana iaanya merangkumi pelbagai jenis ruang perniagaan seperti pusat membeli-belah, butik, arked, bazar, studio fesyen, restoran, medan selera, pejabat, hotel dan sebagainya.	PLANMALAYSIA (2017), GPP Perdagangan (GP003-A)	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Hotel/ Kemudahan Penginapan	TPK308	Premis komersial yang menyediakan kemudahan penginapan.	Olahan daripada: PLANMALAYSIA, GPP Perdagangan (GP003-A), Addendum 2017.	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Restoran	TPK309	Aktiviti perdagangan yang menyedia dan menghidang makanan serta minuman kepada pelanggan. Terdapat restoran yang dibina secara berasingan yang menawarkan kemudahan pandu lalu (drive-through) dan penghantaran makanan seperti McDonald, KFC, Pizza Hut dan sebagainya.	PLANMALAYSIA, GPP Perdagangan (GP003-A), Addendum 2017.	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Arked/Bazar	TPK310	Arked atau bazar merupakan premis perdagangan yang ditempatkan di dalam lorong berbumbung atau di dalam bangunan yang menempatkan aktiviti perniagaan kecil-kecilan.	PLANMALAYSIA, GPP Perdagangan (GP003-A), Addendum 2017.	13	152	186	

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
Komersial	Bangunan Sesebuah	Gerai Statik/Medan Selera	TPK311	Gerai statik/medan selera adalah aktiviti perniagaan informal yang wujud di pusat bandar, pusat kejiranan, kawasan perumahan, kawasan perindustrian dan kawasan institusi yang menjual pelbagai barang, makanan dan minuman dalam ruang yang disediakan secara tetap atau sementara dan lebih kecil daripada kedai.	PLANMALAYSIA, GPP Perdagangan (GP003-A), Addendum 2017.	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Pasar Borong	TPK312	Menempatkan aktiviti jual beli barang secara pukal. Ia menawarkan perkhidmatan untuk t达дан penduduk yang ramai dan kawasan yang lebih luas.	PLANMALAYSIA, GPP Perdagangan (GP003-A), Addendum 2017.	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Pasar Basah/Pasar Kering	TPK313	Menempatkan aktiviti penjualan barang makanan harian sepertiikan, sayuran, buah-buahan dan sebagainya.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Stesen Minyak	TPK314	Stesen minyak merupakan premis khas yang menyediakan kemudahan mengisi bahan api iaitu petrol, diesel dan NGV untuk kenderaan bermotor.	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Institusi Kewangan	TPK315	<p>Institusi kewangan, institusi yang menyediakan pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan kewangan kepada unit-unit ekonomi isi rumah dan kerajaan. Secara umum, terdapat tiga jenis utama institusi kewangan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Institusi depositori - deposit institusi - yang menerima dan menguruskan deposit dan membuat pinjaman, termasuk bank-bank, membina masyarakat, kesatuan kredit, syarikat amanah dan pinjaman gadai janji syarikat; 2) Institusi kontrak - syarikat insurans dan dana pencen; dan 3) Institusi pelaburan - bank pelaburan, penaja jamin, syarikat broker 	PLANMalaysia (2025), Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 3	13	152	186	

GUNA TANAH 1	GUNA TANAH 2	GUNA TANAH 3	KOD GTN	DEFINISI	SUMBER	R	G	B	SKTN / WARNA
Komersial	Bangunan Sesebuah	Pusat Hiburan	TPK316	<p>“Mana-mana tempat yang mempunyai struktur bersifat kekal atau sementara yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan dan orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran.” Dari segi perancangan, pusat hiburan ditakrifkan di antaranya sebagai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti pusat karaoke (terbuka atau bilik berasingan) • Tari-mènari • Restoran/kafe yang mengadakan pertunjukan <i>live band</i> • Kelab malam • Pusat Snuker • Lain-lain aktiviti hiburan yang menyerupai aktiviti-aktiviti yang disenaraikan. 	olahan daripada: Jabatan Perancangan Bandar DBKL (2015), Garis Panduan Perancangan Pusat Hiburan	13	152	186	
Komersial	Bangunan Sesebuah	Pusat Penjagaan Kesihatan	TPK317	<p>Pusat penjagaan kesihatan ertiannya mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecerdasan fizikal dengan atau tanpa peralatan. Aktiviti yang dilesenkan di bawah kategori ini adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Refleksologi • Fisioterapi • Akupunktur • Bekam • Sauna/Spa/Jakuzzi • Aerobic/fitness centre/gymnasium • Pusat meditasi • Apa-apa rawatan kesihatan yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen 	Majlis Perbandaran Subang Jaya (2016), Garis Panduan Permohonan Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan	13	152	186	
